

Tema 3 : Keselamatan

Unit 8 : Awasi Langkahmu / Buku Teks m/s 61

Melengkapkan teks dengan kata penguat yang betul.

Waspada Memandu



Hujan **makin lebat** menyebabkan jalan **sangat licin**. Encik Nazri memandu kereta dengan **agak perlahan** bagi mengelakkan tayar keretanya meluncur **laju sangat**. Pandangannya **kurang jelas** kerana hujan **terlalu lebat**.

Encik Nazri memandu di lorong kiri. Semua pemandu **cermat sekali**. Di dalam kereta, Afifi terasa **sejuk betul** dan **sunyi benar**. Masing-masing **sungguh risau** kerana hujan masih **lebat sungguh**.



Encik Nazri memandu tidak _____ rapat dengan kenderaan di hadapan. Beliau _____ bimbang jika pemandu tersebut membrek secara mengejut , Beliau tidak sempat untuk membrek kerana jalan licin _____. Afifi risau _____. Cuaca pula _____ gelap. Penglihatan Encik Nazri _____ jelas kerana kabus _____ tebal. Afifi meminta ayahnya memasang lampu kecemasan. Ayahnya memberitahu bahawa lampu tersebut hanya digunakan semasa kecemasan. Encik Nazri berhenti di hentian rehat dan rawat bagi mengelakkan kemalangan. Beliau letih _____. Beliau memakai baju sejuk kerana suasana sejuk _____.

agak

makin

benar

sungguh

amat

kurang

terlalu

sangat

betul